



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

*Ministry of Agriculture and Food Industries*

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

## SIARAN MEDIA

### NASIB WARGA TANI TERUS DIBELA

**ALOR SETAR, 28 Ogos 2021-** Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Haslina Abdul Hamid hari ini turun padang bersama pasukan MAFI bagi melihat sendiri kesan bencana alam yang berlaku dalam daerah Yan dan Kuala Muda, bagi memastikan nasib warga tani di kawasan pertanian tersebut akan terus mendapat pembelaan dari pihak kementerian.

Semasa sesi tinjauan tersebut Pengurus Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), YB Ahmad Tarmizi Sulaiman memaklumkan beliau bahawa kesemua tanaman padi yang terjejas berusia antara 75 hingga 100 hari dan ditenggelami air sedalam 1.2 meter.

Dato' Haslina turut memaklumkan sebanyak RM1.1 juta telah diperuntukkan bagi membaikpulih 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir, Yan, yang musnah dalam kejadian banjir lumpur akibat fenomena Kepala Air dari Puncak Gunung Jerai pada 18 Ogos lalu.

Peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang diumumkan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana tersebut pada Selasa lalu.

Peruntukan berjumlah RM495,000 akan digunakan bagi membaiki kerosakan infrastruktur termasuk jalan ladang, tali air konkrit, membaiki paip bekalan pengairan, mencuci dan menyenggara pam guna semula.

Manakala RM555,000 pula untuk kegunaan membaikpulih sawah yang melibatkan kerja-kerja mengeluarkan enapan di dalam bendang, pitaran tanah sawah, perataan tanah dan pemulihan kesuburan tanah. Selain itu, peruntukan sebanyak RM50,000 akan digunakan untuk bantuan pembatalan musim tanaman 2/2021 di bawah Skim Pengairan Lubok Boi dengan keluasan 15 hektar.

MAFI dengan kerjasama jabatan dan agensi khususnya MADA, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang juga sedang menggerakkan segala jentera dalam usaha untuk memulihkan dan memperbaiki kerosakan yang berlaku termasuk sistem pengairan yang terjejas.

Laporan keseluruhan kerosakan bencana khususnya sektor tanaman lain selain padi, termasuk ternakan dan perikanan dalam daerah Yan dan Kuala Muda dianggarkan bernilai RM286,000. Nilai kerosakan ini meliputi sektor tanaman dan industri tani dengan anggaran kerosakan sebanyak RM222,000, manakala sektor lain seperti ternakan haiwan dan ikan pula membabitkan nilai kerugian sebanyak RM64,000.

Selain tinjauan ke kawasan bencana, Dato' Haslina turut menyampaikan 100 Bakul Makanan MAFI Prihatin yang merupakan inisiatif Kementerian dalam membantu kepayahan dan keperitan golongan petani, penternak dan nelayan yang terkesan akibat bencana ini.

Program MAFI Prihatin dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama Jabatan dan Agensi di bawah MAFI serta syarikat swasta dengan sasaran utamanya adalah golongan petani, penternak, nelayan dan barisan hadapan negara. Program ini juga turut meliputi bantuan kepada badan kebajikan, rakyat dan penduduk yang terkesan disebabkan pandemik serta lain-lain bencana dan juga bantuan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Turut hadir dalam program ini ialah Pengurus MADA, YB Ahmad Tarmizi Sulaiman, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan, Pengarah-Pengarah Negeri Jabatan dan Agensi di bawah MAFI.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**28 OGOS 2021**